



HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca helaian maklumat produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am dengan teliti.

Nama Produk : Skim Jaminan Kerajaan MADANI 2 (GGSM 2)
Tarikh : [Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

1. Apakah produk ini?

Skim Jaminan Kerajaan Madani 2 (GGSM 2) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah Belanjawan 2024 Malaysia MADANI dengan tujuan untuk memberi bantuan **pembiayaan sehingga RM20.0 Juta** kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan menyediakan jaminan Kerajaan kepada institusi kewangan (FI).

Skim ini diuruskan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) sebagai pentadbir Skim.

Kemudahan yang ditawarkan adalah untuk tujuan berikut:

- Modal kerja dan/atau CAPEX untuk pembiayaan baharu

GGSM 2 terbuka untuk semua sektor ekonomi dan disasarkan kepada perkara berikut: -

- Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (rujukan kepada garis panduan untuk definisi PKS yang dikeluarkan oleh SME Corp Malaysia dan diperakui oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan):
 - a) Milikan tunggal yang dimiliki oleh warganegara Malaysia; atau
 - b) Perkongsian dan Perkongsian Liabiliti Terhad dikawal dan majoriti dimiliki oleh warganegara Malaysia; atau
 - c) Syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 51% saham yang dipegang dan dikawal oleh warganegara Malaysia

Yang telah didaftarkan dengan sewajarnya dengan yang berikut:-

- I. Suruhanjaya Syarikat Malaysia sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956) atau Akta Syarikat 1965 dan/atau Akta Syarikat 2016, atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (persendirian terhad, milikan tunggal dan perkongsian); atau
- II. Pihak berkuasa atau pejabat daerah masing-masing di Sabah dan Sarawak; atau
- III. Badan berkanun masing-masing untuk penyedia perkhidmatan profesional

Tidak termasuk: -

1. Entiti yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia; Syarikat berkaitan kerajaan (GLC); Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKDs) and State-Owned Enterprises
2. Subsidiari dengan sekurang-kurangnya 51% saham daripada entiti yang dinyatakan dalam No.1. atas.
3. Entiti perniagaan di mana pemegang saham/pengarah/pemilik adalah penjawat awam, yang sedang berkhidmat, kecuali dengan kelulusan bertulis terdahulu daripada majikan - Majikan/Ketua Jabatan

GGSM 2 boleh didapati dalam bentuk Pinjaman Berjangka, Overdraft, kemudahan Talian Dagangan **dan Kontrak Pertukaran Asing**

Catatan:

Definisi PKS mengikut garis panduan/ditakrifkan oleh SME Corporation Malaysia.



2. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?

Jumlah Pembiayaan	1. Sehingga RM 20.0 Juta, setiap syarikat untuk semua sector ekonomi terutamanya menumpukan kepada 4 sektor seperti di bawah: - ▪ Ekonomi Hijau ▪ Halal ▪ Penjagaan Kesihatan ▪ Teknologi Tinggi Nota: Kelulusan dan jumlah pembiayaan adalah mengikut budi bicara pihak bank.										
Tujuan Pembiayaan	Modal kerja dan perbelanjaan modal (CAPEX) untuk pembiayaan baharu. Nota: Pembiayaan semula kemudahan sedia ada oleh institusi kewangan yang sama atau lain-lain adalah tidak dibenarkan										
Jenis Kemudahan	Pinjaman bertempoh, overdraf, kemudahan perdagangan dan Kontrak Pertukaran Asing										
Tempoh Pembiayaan	Sehingga 10 tahun atau sehingga 31 Disember 2035, yang mana lebih awal.										
Harga/Kadar Faedah	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kemudahan</th><th>Harga Indikatif Kemudahan / Kadar Faedah</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pinjaman Bertempoh</td><td>▪ Bermula daripada KPA + 0.50% setahun. kepada KPA + 2.00% setahun</td></tr> <tr> <td>Overdraf</td><td>▪ Bermula daripada KPA + 0.50% setahun kepada KPA + 2.00% p.a.</td></tr> <tr> <td>Kemudahan Perdagangan</td><td>▪ Ditentukan oleh bank mengikut kes</td></tr> <tr> <td>Kontrak Pertukaran Asing (FEC).</td><td>▪ Kadar Forex</td></tr> </tbody> </table> Nota: Harga/kadar faedah di atas adalah termasuk yuran jaminan.	Kemudahan	Harga Indikatif Kemudahan / Kadar Faedah	Pinjaman Bertempoh	▪ Bermula daripada KPA + 0.50% setahun. kepada KPA + 2.00% setahun	Overdraf	▪ Bermula daripada KPA + 0.50% setahun kepada KPA + 2.00% p.a.	Kemudahan Perdagangan	▪ Ditentukan oleh bank mengikut kes	Kontrak Pertukaran Asing (FEC).	▪ Kadar Forex
Kemudahan	Harga Indikatif Kemudahan / Kadar Faedah										
Pinjaman Bertempoh	▪ Bermula daripada KPA + 0.50% setahun. kepada KPA + 2.00% setahun										
Overdraf	▪ Bermula daripada KPA + 0.50% setahun kepada KPA + 2.00% p.a.										
Kemudahan Perdagangan	▪ Ditentukan oleh bank mengikut kes										
Kontrak Pertukaran Asing (FEC).	▪ Kadar Forex										
▪ Perlindungan Jaminan (atas jumlah kemudahan)	Perlindungan jaminan sehingga 80% oleh SJPP untuk semua sector.										
▪ Ketersediaan/Tempoh Permohonan	Tersedia sehingga 31 Disember 2025 atau sehingga penggunaan penuh dana, yang mana lebih awal.										
▪ Lain-lain Faedah Tambahan	1. Insurans Keyman 2. Kad Komersial 3. SME ODP Plus 4. Perkhidmatan Pengurusan Tunai/Gaji 5. Jaminan Tempoh Pengurangan Peribadi (PRTA) 6. Inisiatif Program Halal 7. SME First Account 8. Insurans/Takaful Stock-In										

3. Apakah tanggungjawab saya?

I. Pinjaman Berjangka

- membuat pembayaran bulanan faedah pembiayaan sebelum pengeluaran pembiayaan penuh dikeluarkan oleh pihak Bank.
- membuat pembayaran ansuran bulanan setelah pinjaman dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak Bank.
- membuat pembayaran jumlah tertunggak (jumlah prinsipal termasuk dan faedah yang dikenakan) yang terhutang kepada bank selepas pembatalan atau penamatan atau penarikan balik kemudahan pembiayaan.

Pembayaran balik pinjaman secara ansuran bulanan (dikira berdasarkan kadar faedah semasa, tempoh pinjaman dan baki tertunggak). Jumlah bayaran ansuran akan bermula setelah pengeluaran pinjaman dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak Bank.

▪ Jumlah Ansuran Bulanan*	RM _____ (Jumlah Pinjaman Termasuk Kadar Faedah)
▪ Jumlah Amaun Bayaran Balik Termasuk Jumlah Pembiayaan Pokok*	RM _____

Contoh ilustrasi:

Kadar Faedah : KPA + 2.00% setahun

Jumlah Pinjaman : RM1,000,000

Tempoh Pinjaman : 10 tahun

Kadar	Hari ini (KPA=6.65%) 6.65% + 2.00%=8.65%	Sekiranya KPA meningkat 1% 6.65% + 1.00% + 2.00%=9.65%	Sekiranya KPA meningkat 2% 6.65% + 2.00% + 2.00%=10.65%
Bayaran ansuran bulanan	RM 12,478.94	RM 13,022.02	RM 13,577.63
Jumlah faedah pada akhir 10 tahun	RM 497,472.42	RM 562,642.75	RM 629,315.44
Jumlah pembayaran pada akhir 10 tahun	RM 1,497,472.42	RM 1,562,642.75	RM 1,629,315.44

Nota: Jumlah ansuran dan jumlah bayaran balik mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KPA

II. Overdraf

- membuat bayaran faedah secara bulanan mengikut jumlah pinjaman yang telah digunakan.
- membuat pembayaran jumlah tertunggak (jumlah prinsipal termasuk dan faedah yang dikenakan) yang terhutang kepada bank selepas pembatalan atau penamatan atau penarikan balik kemudahan pembiayaan.

Faedah bulanan yang perlu dibayar akan dikira setiap hari berdasarkan BLR semasa, baki tertunggak dan bilangan hari penggunaan dalam bulan tersebut.

▪ Bayaran Faedah Bulanan*	RM _____ (Bayaran ke atas jumlah faedah)
▪ Jumlah Kemudahan yang Perlu Dibayar**	Secara bulanan/ setiap 3 bulan/ setiap 6 bulan/ tahunan atau secara penyelesaian semua sehingga semua jumlah kemudahan selesai dibayar dalam tempohnya.

Nota : * Jumlah ansuran dan jumlah bayaran balik mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KPA

**Seperti yang diluluskan oleh pihak Bank

Contoh ilustrasi

Kadar Faedah : BLR + 2.00% setahun
Jumlah Kemudahan : RM 500,000
Jumlah Kemudahan yang Telah Digunakan(Hari) : 1. RM 100,000 (20 hari)
2. RM 200,000 (12 hari)

Kadar	Hari ini (KPA=6.65%) i.e. $6.65\% + 2.00\% = 8.65\%$	Sekiranya KPA meningkat 1% i.e. $6.65\% + 1.00\% + 2.00\% = 9.65\%$	Sekiranya KPA meningkat 2% i.e. $6.65\% + 2.00\% + 2.00\% = 10.65\%$
Faedah harian yang perlu dibayar: 1. 10 hari 2. 20 hari	1. RM 1,184.93 2. RM 2,369.86	1. RM 1,321.92 2. RM 2,643.84	1. RM 1,458.90 2. RM 2,917.81
Jumlah faedah untuk bulan itu	RM 3,554.79	RM 3,965.76	RM 4,376.71

III. Kemudahan Perdagangan

- membuat pembayaran faedah/komisen bulanan berdasarkan jumlah kemudahan yang digunakan.
- mematuhi terma dan syarat bagi kemudahan perdagangan yang relevan yang diberikan oleh bank seperti yang ditentukan dalam surat tawaran, syarat dan terma am dan standard untuk kemudahan perdagangan.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

▪ Duti Setem	Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)	
▪ Yuran Jaminan Yang Perlu Dibayar Kepada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)	Penerangan	Yuran Jaminan SJPP
	Sektor tumpuan contoh: Teknologi Tinggi, Pertanian, Pembuatan dan Pelancongan	0.75% setahun (dibayar pendahuluan) terhadap jumlah perlindungan jaminan/pada baki tertunggak
	Sektor lain	1.00% setahun (dibayar pendahuluan) terhadap jumlah perlindungan jaminan/pada baki tertunggak
▪ Yuran Komitmen	Yuran komitmen pada kadar 1.00% setiap tahun akan dikenakan pada bahagian kemudahan pinjaman berjangka dan overdraf yang belum digunakan	
▪ Lebihan Yuran untuk Overdraf	1.00% setahun melebihi kadar yang ditetapkan akan dikenakan ke atas amaun yang melebihi had Overdraf	
▪ Yuran Pembatalan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)	RM100.00 bayaran pembatalan ke atas pinjaman SJPP yang diluluskan.	
▪ Cukai	Tertakluk kepada semua cukai dan pungutan yang dikenakan sekarang atau selepasnya oleh undang- undang	
▪ Lain-lain Yuran & Caj	Semua kos dan perbelanjaan seperti yuran guaman atau lain-lain caj dokumentasi yang terlibat bagi penyediaan semua dokumen permohonan dan melengkapkan dokumen untuk melindungi pihak Bank	

5. Sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

▪ Denda Pembayaran Lewat Pada Pinjaman Berjangka	1.00% setahun ke atas jumlah tertunggak
▪ Hak Penyelesaian	Pihak Bank berhak menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka di Bank untuk melunaskan apa jua jumlah ansuran tertunggak melibatkan pembiayaan ini.
▪ Kadar Kemungkiran	Jika berlaku kemungkiran (tiada pembayaran) sebanyak tiga (3) kali berturut-turut, pembayaran faedah sebelum bayaran ansuran atau semasa bayaran ansuran, pihak Bank berhak untuk menukar kadar keuntungan efektif ditambah kepada KPA+2.50% setahun atau + 1.00% setahun melebihi kadar yang telah ditetapkan, yang mana lebih tinggi dan dikenakan ke atas baki pembiayaan, atau pihak Bank juga berhak berdasarkan budi bicara mengenakan lain-lain kadar yang ditentukan pada bila-bila masa.

Nota: Notis akan diberi kepada pelanggan

6. Jika saya menjelaskan baki pembiayaan sebelum tempoh matang?

Tempoh Penyelesaian	Tiada
Yuran Penalti Penyelesaian Awal	Tiada

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans/ takaful?

Polisi insurans berikut disyorkan kepada pelanggan (tidak terhad kepada):

- a) Skim Perlindungan Peribadi Berkurangan Berjangka (PRTA)
- b) PremierCash Refund

Polisi insurans yang di sebutkan di atas adalah untuk melindungi pemilik syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

8. Adakah saya memerlukan penjamin?

Ya, Jaminan Bersama dan Beberapa untuk Syarikat Sdn Bhd manakala jaminan individual diperlukan untuk Perkongsian atau Perkongsian Liabiliti Terhad.

9. Apakah risiko utama?

Kadar faedah pembiayaan yang telah ditetapkan ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pinjaman Asas (KPA). Peningkatan dalam kadar faedah boleh menyebabkan jumlah bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai alternatif bayaran balik.

10. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskinikan maklumat perhubungan anda, anda boleh menghubungi kami melalui satu daripada saluran berikut, M2U atau cawangan bank dimana akaun anda diselenggarakan.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- I) Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif bagi bayaran balik. anda boleh menghubungi kami di alamat yang berikut:

Pusat Perniagaan: _____

Alamat: _____

Tel/Faks: _____ e-mel: _____

- II) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. anda boleh menghubungi AKPK di alamat yang berikut:

Tingkat 1, Menara Aras Raya (formerly)
known as, Menara Bumiputra-Commerce
Jalan Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel : 03-26167766 Website : <https://www.akpk.org.my/>

- III) Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, sila hubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

BNMLINK

Bank Negara Malaysia

P.O.Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465 (LINK)

Fax : 03-21741515 HYPERLINK : "mailto: bnmtelelink@bnm.gov.my"

12. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

- Cawangan Maybank atau Pusat Perbankan Komersial
- Hotline Pelanggan maybank di 1-300-88-6688 (Malaysia), +603 7844 3696 (Luar Negara), atau E-mail: mgcc@maybank.com

13. Pakej pembiayaan lain yang disediakan:

Ya. Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk skim pembiayaan lain.

Penafian Tuntutan

Maklumat yang disediakan dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan informasi dan tidak terikat kepada pihak Bank. Terma dan syarat adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan tertakluk kepada penilaian kredit serta kelulusan kemudahan pembiayaan ini.

Nota Penting:

Pihak bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang jika anda gagal untuk membuat bayaran balik pembiayaan anda.



Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui bahawa penjelasan yang mencukupi telah diberikan oleh pegawai bank kepada saya mengenai syarat-syarat penting dalam dokumen ini.

[*Untuk Perkongsian/Pemilikan Tunggal]

[*Untuk Syarikat]

.....
Cop Perniagaan

Nama Penandatangan yang Sah:

Nombor Kad Pengenalan:

Tarikh:

.....
Penandatangan yang Sah dan Cop Perniagaan
untuk <*Syarikat/Nama Pelanggan>

Nama:

Nombor Kad Pengenalan:

Tarikh: